

Analisis Kecenderungan Pengundi Melayu di DUN Batu Tiga Shah Alam Selangor Menjelang PRN 2023

*The Analysis of Malay Voters Inclination in DUN Batu Tiga Shah Alam Selangor ahead of the
2023 State Election*

MAZLAN BIN ALI & ADIBAH YASMIN ALIAS*

Received: 14 December 2024 /Accepted: 26 February 2025

ABSTRAK

Pilihan Raya Umum Ke-15 telah menyaksikan kebangkitan politik identiti di mana pengundi Melayu khususnya lebih cenderung memilih berdasarkan latar belakang etnik dan agama. Fenomena ini dikenali sebagai 'Gelombang Hijau' yang didominasi oleh Perikatan Nasional (PN). Menjelang Pilihan Raya Negeri 2023, 'Gelombang Hijau' ini dilihat berpotensi untuk menggugat kestabilan politik di Selangor khususnya di kawasan populasi Melayu yang besar. Walau bagaimanapun, kerjasama Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) yang dibina pasca PRU-15 dilihat sebagai strategi untuk mengekang 'Gelombang Hijau' ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kecenderungan pengundi Melayu di DUN Batu Tiga Shah Alam menjelang PRN 2023. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi kaedah tinjauan (survey) di lapangan sekitar bulan Julai 2023. Kajian ini melibatkan penduduk N41 Batu Tiga Shah Alam yang meliputi 20 Pusat Daerah Mengundi (PDM). Terdapat 372 orang responden terlibat dalam kajian ini dan dipilih menerusi kaedah berstrata bernisbah purposive. Data kajian juga di analisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua faktor dominan dalam melihat kecenderungan pengundi Melayu terhadap kerjasama Pakatan Harapan dan Barisan Nasional. Faktor tersebut ialah faktor pilihan rasional dan faktor identifikasi parti. Sebagai rumusan, jelaslah bahawa orang Melayu di DUN Batu Tiga ini dominan cenderung untuk memilih gabungan kerjasama PH dan BN disebabkan mereka yakin gabungan ini boleh menyelesaikan masalah setempat dan meningkatkan kesejahteraan hidup berbanding politik perkauman.

Kata Kunci: DUN Batu Tiga; gabungan PH BN; pilihan raya; tingkah laku pengundi; demokrasi; kecenderungan politik

ABSTRACT

The 15th General Election marked a significant rise in identity politics, particularly among Malay voters who tended to vote based on ethnic and religious affiliations. This trend, referred to as the "Green Wave," is primarily driven by Perikatan Nasional (PN). As the 2023 State Election approaches, the "Green Wave" is viewed as a potential disruptor to the political landscape in Selangor, especially in areas with a substantial Malay population. In response, the collaboration between Pakatan Harapan (PH) and Barisan Nasional (BN), formed after GE15, aims to counter this "Green Wave." Consequently, this study seeks to analyse the voting tendencies of Malay voters in the Batu Tiga State Constituency, Shah Alam, in the lead-up to the 2023 State Election. A quantitative methodological framework was employed, utilizing a survey conducted in July 2023, which targeted residents of N41 Batu Tiga. The research encompassed data from 20 District Polling Centers (PDM) and involved 372 respondents selected through stratified proportional purposive sampling. The data were analysed descriptively. The findings reveal two predominant factors influencing Malay voter tendencies: rational choice factors and party identification factors. In conclusion, the results suggest that Malay voters in Batu Tiga exhibited dominantly a propensity to support the PH-BN coalition, driven by the belief that this partnership could effectively address local issues and enhance living standards, thereby presenting a more pragmatic alternative to traditional racial politics.

Keywords: DUN Batu Tiga; PH-BN coalition; election; voters behaviour; democracy; political inclination

PENGENALAN

Pasca PRU-15 membawa Malaysia ke arah satu landskap politik baharu apabila kerajaan perpaduan yang terdiri dari gabungan PH dan BN buat pertama kali atas nama kestabilan membawa gelombang perpaduan bagi menghadapi PRN 2023. Gelombang perpaduan yang dibawa oleh kerajaan di peringkat persekutuan dilihat sebagai lawan kepada gelombang hijau yang di bawa oleh Perikatan Nasional. Sejak tsunami politik 2008, N41 Batu Tiga Shah Alam telah dimenangi oleh PKR yang di sandang oleh Rodziah Ismail selama tiga penggal berturut-turut. N41 Batu Tiga Shah Alam merupakan kawasan Melayu bandar yang terdiri daripada Melayu 74.9 peratus, Cina 7.5 peratus dan India 15.5 peratus (undi.info, 2023). Tambahan pula, Selangor telah menjadi kubu Pakatan Rakyat yang kemudiannya Pakatan Harapan setelah BN berjaya ditumbangkan pada PRU-12 yang lalu. Kedudukan Negeri Selangor yang strategik dan maju serta menerima limpahan ekonomi dari Kuala Lumpur membuatkan semua parti politik berebut untuk mentadbir negeri ini. Menjelang PRN 2023, Perikatan Nasional juga berusaha bersungguh-sungguh untuk menawan Negeri Selangor dengan keyakinan bahawa gelombang hijau semakin meningkat (Sinar Harian 2023).

Oleh yang demikian, terdapat pelbagai isu yang mewarnai PRN 2023 Enam Negeri iaitu kelangsungan kerjasama PH dan BN, gelombang hijau yang belum mereda serta isu agama dan kaum. Selain itu, gelombang hijau daripada Perikatan Nasional yang berpaksikan kepada Islam dan Melayu ini begitu digeruni apabila keputusan dalam PRU-15 menunjukkan enam buah kerusi parlimen di Selangor berjaya dimenangi oleh Perikatan Nasional (Norafiza Jaafar 2022). Bahkan, kajian yang dibuat sebulan sebelum PRN 2023 oleh ISEAS *Perspective* menunjukkan bahawa PN mampu menawan Selangor dengan 39 kerusi DUN di mana pengundi Melayu berpihak kepada PN (Marzuki Mohamad dan Khairul Syakirin 2023). Walau bagaimanapun, keputusan sebenar PRN 2023 di Batu Tiga menunjukkan Pakatan Harapan menang dengan jumlah undi 29,064 bersamaan majoriti sebanyak 3382 undi. Justeru, persoalan yang timbul ialah apakah faktor kecenderungan pengundi Melayu di DUN Batu Tiga terhadap kerjasama PH dan BN? Oleh itu, kajian kecenderungan pengundi Melayu di N41 Batu Tiga Shah Alam begitu signifikan untuk dijalankan memandangkan ia merupakan kawasan majoriti Melayu yang tinggal di bandar atau dikenali sebagai Melayu urban. Justeru, artikel ini akan menganalisis faktor kecenderungan pengundi Melayu terhadap kerjasama PH dan BN menjelang PRN 2023 dengan menjadikan DUN Batu Tiga sebagai kajian kes. Walaubagaimanapun, kajian ini terbatas dalam tempoh pasca PRU-15 sehingga Julai 2023 iaitu sebulan sebelum PRN 2023 sebenar dijalankan.

SOROTAN LITERATUR

Trend pengundian di Malaysia telah melalui perubahan dinamik sejak gelombang politik baharu pertama pasca PRU-10, apabila masyarakat semakin kurang mempertimbangkan etnik dan agama sebagai faktor utama dalam persaingan politik (Loh & Saravanamutthu, 2003). Namun, pemisahan antara politik berasaskan kaum dan politik nilai tidak berlaku secara linear. Walaupun Dasar Ekonomi Baru telah melahirkan kelas menengah Melayu yang lebih berdikari dan cenderung kepada isu-isu universal seperti demokrasi partisipasi, keadilan, dan hak asasi manusia (Saravanamutthu, 2001), realiti politik menunjukkan elemen kaum dan agama terus mempengaruhi corak pengundian, terutama dalam kalangan pengundi luar bandar. Perkembangan seterusnya memperlihatkan gelombang politik baharu kedua pada PRU-12 tahun 2008, yang menyaksikan

dominasi politik perkauman dan politik hegemonik semakin terhakis dengan kemunculan politik yang lebih terbuka (Jamaie et al., 2016). Namun, walaupun PRU-12 mencerminkan perubahan orientasi politik ke arah lebih universal, pola pengundian tetap menunjukkan wujudnya perbezaan antara pengundi bandar dan luar bandar. Junaidi Awang Besar et al. (2016) mengklasifikasikan pengundi Melayu bandar sebagai lebih terbuka dan menyokong PKR dan PAS, manakala pengundi Melayu luar bandar dan pinggir bandar masih cenderung kepada BN atas faktor kebergantungan kepada bantuan kerajaan. Ini menunjukkan bahawa walaupun wacana politik bandar menekankan kebebasan dan hak individu, faktor ekonomi tetap menjadi elemen penting dalam menentukan sokongan politik.

Seterusnya, kajian Ng et al. (2015) pula menekankan dua faktor utama yang mempengaruhi keputusan PRU-13: pertama, kesan etnik dan kedua, pembandaran pesat. Kajian mereka menunjukkan Pakatan Rakyat (gabungan PAS, PKR, dan DAP) menguasai kawasan bandar, manakala BN terus mendominasi kawasan luar bandar. Ini menunjukkan bahawa urbanisasi yang pesat tidak semestinya membawa kepada penghapusan politik identiti tetapi sebaliknya mencipta sempadan politik baharu berdasarkan akses kepada maklumat, pengalaman ekonomi, dan latar belakang sosial. Dalam konteks pengundi Melayu bandar, Mohd Azmir et al. (2016) menegaskan bahawa mereka lebih terbuka terhadap perbezaan politik dan kurang terikat dengan parti yang berasaskan agama dan kaum. Pepinsky (2009) turut mengukuhkan hujah ini dengan menyatakan bahawa golongan Melayu kelas menengah bandar lebih berpendidikan, mempunyai akses luas kepada media sosial, dan lebih bebas dalam membentuk keputusan politik mereka. Seterusnya, kajian Junaidi Awang Besar et al. (2020) mengenai PRU-14-pula memperlihatkan bagaimana pengundi bandar menyokong Pakatan Harapan dan PAS, dipengaruhi oleh kesedaran politik serta kepekaan terhadap isu nasional seperti kos sara hidup, rasuah, dan hak asasi manusia. PRU-14 dianggap sebagai “tsunami politik bandar” yang didominasi oleh golongan elit dan kelas menengah yang mempunyai kesedaran politik lebih tinggi. Manakala, kajian daripada Mokhtar, Junaidi & Mohd Fuad (2024) pula menunjukkan bahawa pola pengundian dalam PRU-14 menunjukkan peralihan pengundi daripada identifikasi parti kepada pertimbangan rasional khususnya dalam kalangan pengundi di kawasan pinggir bandar dan bandar.

Namun, persepsi terhadap PRU-14 sebagai “tsunami politik bandar” dicabar oleh Serina Rahman (2018), yang berpendapat bahawa keputusan pengundi Melayu bukan sekadar refleksi peralihan besar-besaran ke arah politik progresif tetapi lebih kepada undi protes terhadap kepimpinan Najib Razak dan Barisan Nasional. Kajian ini menekankan bahawa pola pengundian orang Melayu lebih wajar dilihat dari perspektif kelas sosial dan pengalaman peribadi mereka dengan parti pemerintah, berbanding sekadar dikotomi bandar-luar bandar. Seterusnya, dalam PRU-15, pola politik identiti dalam kalangan pengundi Melayu semakin menonjol, terutama dalam kalangan pengundi muda. Mohd Mahadee, Zatul Himmah & Mohd Sobhi Ishak (2023) menunjukkan bahawa pengundi Melayu baharu lebih cenderung menyokong parti yang menekankan agenda nasionalis dan identiti Melayu-Islam, dengan PAS menjadi pilihan utama. Ini membuktikan bahawa politik identiti masih menjadi faktor utama dalam menentukan pilihan pengundi, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Faktor yang mendorong sokongan kuat terhadap Perikatan Nasional (PN) dalam PRU-15 turut diperjelaskan oleh Junaidi Awang Besar (2024), yang menyatakan bahawa gabungan PAS dan BERSATU mendapat kepercayaan kerana imej kepimpinan mereka yang bersih, pengaruh media sosial (terutama TikTok), serta sentimen sentimental terhadap Muhyiddin Yassin yang dikenali sebagai ‘Abah’. Lebih menarik, faktor perkauman dan keagamaan turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pola pengundian, dengan naratif PAS sebagai pelindung

Melayu-Islam terus memperkukuhkan sokongan mereka di kawasan majoriti Melayu. Namun, dapatan daripada Hidekuni Washida (2023) memberikan perspektif berbeza terhadap ‘gelombang hijau’ PRU-15, yang menyatakan bahawa sokongan kepada PAS-PN lebih dipacu oleh ketidakpuasan hati terhadap keadaan ekonomi, bukan semata-mata kebimbangan terhadap agama dan kaum. Hal ini menunjukkan bahawa politik identiti tidak wujud dalam vakum tetapi sering kali berkait rapat dengan faktor material dan keadaan ekonomi semasa.

Kajian mengenai PRK pasca PRU-15 oleh Junaidi Awang Besar (2024) memperlihatkan pola pengundian yang semakin memantapkan politik identiti, dengan PN mengukuhkan cengkamannya di kawasan majoriti Melayu-Islam, manakala PH kekal dominan di kawasan bandar dengan komposisi pengundi bukan Melayu yang tinggi. PRK ini membuktikan bahawa faktor etnik dan agama terus menjadi elemen penting dalam menentukan pilihan pengundi, dengan PN berjaya memposisikan diri sebagai pelindung hak Melayu-Islam, sementara PH-BN berdepan cabaran menarik pengundi Melayu kerana naratif anti-DAP dan kebimbangan terhadap dominasi bukan Melayu dalam kerajaan. Seterusnya, peranan media digital dalam memperkukuh identiti politik semakin ketara dalam PRU-15. Mohd Irwan Syazli dan Nadhrah Azrun (2024) menegaskan bahawa politik digital telah menjadi medan utama bagi wacana populis 3R (Race, Religion, and Royalty), memperkuat polarisasi politik antara pengundi Melayu dan bukan Melayu. Kajian ini menunjukkan bagaimana media digital bukan sekadar platform penyebaran maklumat tetapi turut menjadi alat dalam membentuk sentimen politik identiti dalam kalangan pengundi.

Namun, walaupun politik identiti mendominasi PRU-15, kajian Adibah dan Jamaie (2023) menunjukkan bahawa tidak semua pengundi Melayu terpengaruh dengan sentimen perkauman dan keagamaan. Pengundi Melayu yang menyokong PH, khususnya di Pantai Barat, menunjukkan sikap lebih moderat dan pragmatik, dengan tumpuan kepada isu ekonomi, rasuah, dan pentadbiran bersih sebagai faktor utama dalam membuat keputusan. Berdasarkan sorotan literatur ini, jelas bahawa pola politik Melayu bandar tidak homogen dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kelas sosial, akses kepada maklumat, dan pengalaman peribadi dengan kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat kelompondan dalam kajian terkini mengenai kecenderungan politik Melayu bandar menjelang PRN 2023, khususnya di kawasan Batu Tiga. Politik perkauman yang semakin meningkat pasca PRU-15 juga menunjukkan keperluan untuk kajian lebih mendalam dalam memahami perubahan pola pengundian di kawasan bandar. Oleh itu, kajian ini amat signifikan dalam memahami pola kecenderungan pengundi Melayu bandar menjelang PRN 2023.

METODOLOGI

Kawasan kajian yang dipilih adalah N41 Batu Tiga Shah Alam di mana jumlah pengundi berdaftar berjumlah 75, 486 orang. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi kaedah tinjauan di lapangan pada bulan Julai 2023. Saiz sampel adalah seramai 372 orang responden mengikut persampelan yang dibangunkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Kajian ini melibatkan 20 Pusat Daerah Mengundi (PDM) dan akan diperincikan peratusan di dalam jadual 1 di bawah. Teknik persampelan yang digunakan adalah menggunakan kaedah berstrata- bernisbah-purposive dengan mengambil kira nisbah bilangan pengundi sebenar berdasarkan kaum di kawasan kajian.

DUN Batu Tiga dipilih sebagai lokasi kajian untuk memahami pola pengundian orang Melayu bandar terutamanya dalam konteks pasca PRU-15 dan menjelang PRN 2023 kerana ia merupakan kawasan strategik. Hal ini kerana Batu Tiga, Shah Alam terletak di kawasan bandar yang mempunyai komposisi pengundi Melayu signifikan. DUN Batu Tiga juga boleh memberi

gambaran luas dalam melihat pengundi Melayu di bandar membuat keputusan memandangkan dalam PRU-15 sokongan pengundi Melayu kepada Perikatan Nasional menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Oleh itu, kajian di DUN Batu Tiga ini penting dalam menganalisis trend pola sokongan orang Melayu menjelang PRN 2023. Seterusnya, kajian di DUN Batu Tiga dilihat signifikan kerana kawasan ini mempunyai populasi pengundi Melayu yang berlatarbelakang pelbagai kelas sosial iaitu dari kelas menengah professional sehingga golongan pekerja bandar yang terkesan dengan isu ekonomi. Oleh itu, DUN Batu Tiga dilihat sesuai untuk memahami pelbagai latarbelakang kelas sosial dalam kalangan pengundi Melayu bandar serta kecenderungan pilihan politik mereka. Seterusnya, DUN Batu Tiga signifikan sebagai kawasan kajian kerana ia boleh menjadi petunjuk awal terhadap pola sokongan Melayu bandar menjelang PRN 2023.

Seterusnya, kajian pola pengundian orang Melayu dilihat signifikan di Batu Tiga, Shah Alam disebabkan sebelum ini ia merupakan kubu kuat Pakatan Harapan (PH). Namun, pasca PRU-15 ia dilihat menghadapi cabaran besar dalam mengekalkan sokongan pengundi Melayu. Sokongan pengundi Melayu di Batu Tiga bukan sahaja penting kerana mewakili majoriti pengundi di Batu Tiga bahkan ia juga menjadi indikator sama ada kerjasama PH-BN mampu bertahan ataupun tidak di Selangor.

JADUAL 1. Jumlah responden di Pusat Daerah Mengundi (PDM)

Pusat Daerah Mengundi (PDM)	Jumlah Responden
Shah Alam S20- S23	45
Padang Jawa	40
Shah Alam S17 Timur	29
Shah Alam S24/1 – 24/38	28
Shah Alam S19/1 – 19/14	23
Kampung Kuantan	16
Apartment S24	18
Shah Alam S18 Timur	18
Shah Alam S19/32-19/50	22
Shah Alam S17 Barat	20
Shah Alam S18 Barat 1	17
Taman Batu Tiga	14
Shah Alam S18 Barat 2	18
Rimba Jaya	10
Pinggiran USJ	10
Shah Alam S19/15-19/31	14
Shah Alam S24	8
Sungai Rasau	5
Taman kampung Kuantan	9
Kampung Kebun Bunga	8
Jumlah	372

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

HASIL DAN PERBINCANGAN

ISI-ISU YANG DIBINCANGKAN OLEH ORANG MELAYU DI DUN BATU TIGA SHAH ALAM MENJELANG PRN 2023

Isu-isu merupakan antara elemen penting yang seringkali dibangkitkan setiap kali musim pilihan raya di adakan. Dalam Menghadapi Pilihan Raya Negeri 2023, pengundi lebih memfokuskan soal tempatan dan masalah setempat berbanding isu nasional. Berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas responden di dalam jadual 3 di bawah, orang Melayu kerap membincangkan tentang isu

barang mahal dan menduduki peratusan tertinggi sebanyak 44.89 peratus. Hal ini kerana, dari segi pendapatan sebanyak 1.6 peratus orang Melayu memperoleh pendapatan dari RM 5000 ke RM 7000, 15.4 peratus orang Melayu berpendapatan dari RM 3000 ke RM 5000, 44.6 peratus orang Melayu memperoleh pendapatan antara RM1000 ke RM 3000, dan 12.4 peratus berpendapatan kurang dari RM 1000. Jumlah pendapatan berkait rapat dengan isu barang mahal di mana berdasarkan kajian yang dibuat majoriti responden memperoleh pendapatan antara RM1000 ke RM 3000. Isu ini seringkali dibincangkan memandangkan orang Melayu tidak mempunyai pendapatan yang tinggi di tambah lagi tinggal di kawasan bandar.

JADUAL 2. Pendapatan bulanan orang Melayu DUN Batu Tiga Shah Alam

Pendapatan	Peratus
<RM 1000	12.4
RM 1000 – RM 3 000	44.6
RM 3000 – RM 5000	15.4
RM 5000 -RM 7000	1.6

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Seterusnya, isu kedua yang kerap kali dibincangkan oleh orang Melayu ialah kurang peluang pekerjaan dengan mencatatkan sebanyak 16.67 peratus. Orang Melayu cakna dengan isu peluang pekerjaan memandangkan Batu Tiga terletak di kawasan bandar di mana ia nya memerlukan sumber pendapatan untuk membayar segala komitmen seperti rumah, kereta, bil air dan bil elektrik, perbelanjaan sekolah anak dan lain-lain. Bagi orang bandar, isu peluang pekerjaan dilihat sangat penting memandangkan ia juga terkait dengan kos sara hidup yang kian mencengkam. Tambahan pula, gaya hidup moden di bandar juga memerlukan seseorang untuk bersiap sedia dengan kewangan yang stabil. Oleh itu, mereka berharap agar mana-mana parti atau kerajaan yang berkuasa dapat menyelesaikan isu peluang pekerjaan ini.

Seterusnya, isu ketiga yang dibincangkan oleh orang Melayu ialah masalah pemilikan rumah iaitu sebanyak 12.1 peratus. Jika dilihat pada pendapatan orang Melayu berdasarkan jadual 2 di atas, majoriti responden berpendapatan di antara RM 1000 ke RM 3000 ringgit. Dengan pendapatan sebegini orang Melayu tidak mampu memiliki rumah kediaman yang dibangunkan pemaju yang bernilai RM 500 000 ke atas. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Selangor cakna dengan isu ini dengan memperbanyakkan rumah Selangorku bagi mereka yang berpendapatan kurang dari RM 3000 (Anon 2023).

Isu keempat yang banyak di bincangkan ialah berkaitan dengan bencana alam seperti banjir dengan peratusan sebanyak 10.22 peratus. Batu Tiga pernah mencatatkan banjir buruk yang berlaku pada tahun 2021. Banjir tersebut menyebabkan ada kawasan perumahan yang ditenggelami banjir seperti di Kampung Kebun Bunga Seksyen 22 Shah Alam (Muhd Yunus dan Mohamad Naufal 2021). Mangsa yang terlibat dalam bencana banjir itu terpaksa berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sehingga banjir mereda. Oleh itu, isu banjir ini juga antara isu yang di anggap penting oleh responden memandangkan banjir terburuk pernah berlaku pada tahun 2021. Oleh itu, isu banjir jika dapat diselesaikan oleh ahli politik atau pihak kerajaan yang memerintah maka ia mampu menentukan pola pengundian bagi sesuatu kawasan.

Isu yang kelima ialah masalah pengangkutan awam yang sukar diakses. Dun Batu Tiga terletak di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Oleh itu, ia turut mendorong kepada kesesakan lalu lintas di jalan-jalan utama terutamanya ketika waktu puncak pergi dan balik bekerja. Menurut Haryati, Jamaluddin dan Abdul Latif (2003), pertambahan penduduk bukan sahaja memerlukan lebih banyak peluang pekerjaan, permintaan terhadap

perumahan malah turut menambah jumlah kenderaan di jalanraya dan lebuhraya. Dapatan menunjukkan responden cakna dengan isu ini dan merasakan bahawa masalah ini dapat diselesaikan sekiranya pengangkutan awam diperluaskan dan mudah diakses. Walau bagaimanapun, kajian yang dibuat oleh Haryati Shafii & Sharifah Meryam (2010) menunjukkan isu kesesakan jalan raya di bandar disebabkan oleh pergantungan individu kepada kenderaan persendirian yang masih tinggi dan ia turut melambangkan ‘status sosial’ seseorang di samping menjimatkan masa dan lebih selesa.

JADUAL 3. Isu-isu yang dibincangkan oleh orang Melayu di DUN N41 Batu Tiga Shah Alam

Isu-isu rakyat di DUN N41 Batu Tiga	Peratusan (%)
Harga Barang mahal	44.89
Kurang Peluang Pekerjaan	16.67
Masalah Pemilikan Rumah	12.10
Bencana Alam Seperti Banjir	10.22
Pengangkutan Awam Sukar	5.38
Kurang Kemudahan Sukan	4.30
Penyelenggaraan Kemudahan	3.23
Masalah Dadah	1.08
Ruang/Lot Berniaga	1.08
Peluang Pendidikan dan Pelatihan	0.54
Lain-lain	0.54

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Seterusnya, isu-isu lain turut dibincangkan oleh orang Melayu ialah kurang kemudahan sukan sebanyak 4.30 peratus, penyelenggaraan kemudahan sebanyak 3.23 peratus, masalah dadah dan ruang /lot berniaga masing-masing sebanyak 1.08 peratus dan yang terakhir peluang pendidikan dan pelatihan turut sebanyak 0.54 peratus turut dibincangkan.

FAKTOR KECENDERUNGAN ORANG MELAYU TERHADAP KERJASAMA PAKATAN HARAPAN DAN BARISAN NASIONAL

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kecenderungan orang Melayu terhadap kerjasama Pakatan Harapan dan Barisan Nasional di N41 Batu Tiga Shah Alam. Faktor tersebut merangkumi faktor prestasi penyandang ADUN Batu Tiga, faktor prestasi Menteri Besar Selangor, faktor kestabilan negara, faktor kemajuan ekonomi dan faktor kepimpinan Anwar Ibrahim.

(a) Faktor Prestasi Penyandang ADUN Batu Tiga Shah Alam

Berdasarkan faktor prestasi penyandang ADUN Batu Tiga Shah Alam, dapatan menunjukkan responden positif dengan khidmat bakti YB Rodziah Ismail dari sudut kerap turun padang bersama rakyat, berjaya membawa suara rakyat, seorang yang mudah didekati, mengenali dan turut berpuas hati dengan khidmat bakti yang diberikan oleh beliau. Dari sudut kerap turun padang bersama rakyat, sebanyak 40.59 peratus responden setuju dan 15.59 peratus sangat bersetuju bahawa YB Rodziah kerap turun padang bersama rakyat. Dapatan ini menunjukkan orang Melayu cakna dengan kehadiran ADUN ke kawasan mereka. Mengikut rekod, Rodziah Ismail telah menyandang wakil rakyat DUN Batu Tiga selama tiga penggal berturut-turut sejak tahun 2008 lagi. Pada PRU15, beliau memenangi kerusi parlimen Ampang dengan mengalahkan penyandang kerusi iaitu Zuraida Kamaruddin (Norafiza Jaafar 2023).

JADUAL 4. Kerap turun padang bersama rakyat berdasarkan jawapan orang Melayu

Skala	Peratusan (%)
Sangat bersetuju	15.59
Setuju	40.59
Tidak tahu/tidak relevan	22.85
Tidak setuju	19.09
Sangat tidak setuju	1.88

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

JADUAL 5. Seorang yang mudah didekati berdasarkan jawapan orang Melayu

Skala	Peratusan (%)
Sangat bersetuju	23.66
Setuju	35.22
Tidak tahu/tidak relevan	22.58
Tidak setuju	17.20
Sangat tidak setuju	1.34

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

JADUAL 6. Berjaya membawa suara rakyat berdasarkan jawapan orang Melayu

Skala	Peratusan (%)
Sangat bersetuju	25.51
Setuju	33.86
Tidak tahu/tidak relevan	25.19
Tidak setuju	13.01
Sangat tidak setuju	2.44

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Seterusnya, dapatan dari jadual 5 menunjukkan bahawa 23.66 peratus orang Melayu sangat bersetuju bahawa Rodziah Ismail merupakan ADUN yang mudah didekati rakyat. Manakala, 35.22 peratus pula menunjukkan orang Melayu setuju dengan kenyataan tersebut. Manakala 22.58 peratus tidak tahu/ tidak relevan dengan kenyataan tersebut dan 17.20 peratus tidak bersetuju. Dapatan menunjukkan 58.88 peratus responden Melayu memberikan jawapan yang positif berkaitan dengan Rodziah Ismail seorang yang mudah didekati rakyat. Kemudian, dari sudut berjaya membawa suara rakyat sebanyak 25.51 peratus responden Melayu sangat bersetuju dengan kenyataan ini, dan 33.86 peratus setuju dengan pandangan ini. Manakala sejumlah 25.19 peratus pula tidak tahu/tidak relevan dan 13.10 responden tidak setuju dengan kenyataan ini. Oleh itu, dapatan menunjukkan sebanyak 59.37 peratus responden positif dengan kenyataan bahawa Rodziah Ismail berjaya membawa suara rakyat.

JADUAL 7. Berpuas hati berdasarkan jawapan orang Melayu

Skala	Peratusan (%)
Sangat bersetuju	11.02
Setuju	50.54
Tidak tahu/tidak relevan	24.46
Tidak setuju	13.44
Sangat tidak setuju	0.54

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

JADUAL 8. Mengenali berdasarkan jawapan orang Melayu

Skala	Peratusan (%)
Sangat bersetuju	49.73
Setuju	31.18
Tidak tahu/tidak relevan	13.98
Tidak setuju	4.57
Sangat tidak setuju	0.54

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Kemudian, dari sudut berpuas hati pula, sebanyak 11.02 peratus responden Melayu sangat bersetuju dan 50.54 peratus setuju dengan kenyataan ini. Hal ini menunjukkan 61.56 responden positif dan berpuas hati dengan khidmat bakti dari Rodziah Ismail. Manakala sebanyak 13.44 tidak setuju dan 0.54 peratus sahaja sangat tidak setuju dengan kenyataan ini. Dari sudut responden mengenali Rodziah Ismail pula, sebanyak 49.73 peratus sangat bersetuju dan 31.18 peratus setuju dengan kenyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan sebanyak 80.91 peratus positif dan mengenali Rodziah Ismail sebagai ADUN di Batu Tiga.

Berdasarkan dapatan kajian yang dibuat, Rodziah Ismail telah menunjukkan prestasi yang baik di kalangan responden Melayu Batu Tiga Shah Alam. Hal ini kerana indikator yang digunakan dalam melihat prestasi Rodziah Ismail mendapat peratusan lebih 50 peratus di kalangan orang Melayu sahaja. Tambahan pula, Rodziah Ismail juga merupakan seorang *incumbent leader* di kawasan Batu Tiga dan ia memudahkan responden menilai prestasi beliau memandangkan sudah tiga penggal beliau menjadi wakil rakyat di sini. Menurut Sharifah Nursyahidah & Azwan Ahzran (2023), pemimpin penjawat kini atau *incumbent leader* merupakan satu elemen penting di mana mereka mungkin mempunyai kelebihan kerana pengundi mengenali mereka dan seterusnya dapat melakukan penilaian berdasarkan rekod mereka sebelum ini.

JADUAL 9. Akan terus mengundi ADUN penyandang berdasarkan jawapan orang Melayu

Skala	Peratusan (%)
Sangat bersetuju	27.96
Setuju	29.03
Tidak tahu/tidak relevan	25.81
Tidak setuju	14.25
Sangat tidak setuju	2.96

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Berdasarkan jadual 9 di atas menunjukkan sebanyak 27.96 responden Melayu sangat bersetuju untuk mengundi wakil rakyat penyandang dan 29.03 setuju dengan kenyataan di atas. Hal ini menunjukkan sebanyak 56.99 peratus responden Melayu positif untuk terus mengundi Rodziah Ismail sebagai wakil rakyat di Batu Tiga. Oleh itu, hasil dari dapatan menunjukkan Rodziah Ismail mempunyai kelebihan berdasarkan prestasi yang baik di samping faktor *incumbent leader* memberi lebih kelebihan untuk rakyat menilai prestasi beliau.

(b) Faktor Prestasi Menteri Besar Selangor

Terdapat beberapa indikator yang digunakan bagi mengukur prestasi Menteri Besar Selangor iaitu pertama, dari sudut mahukan perubahan kepimpinan Menteri Besar Selangor. Dapatan menunjukkan 55.38 peratus responden Melayu menjawab tidak, 38.44 peratus responden Melayu menjawab ya iaitu bermaksud mahukan perubahan kepimpinan dan 6.18 peratus menjawab tidak tahu. Dapatan menunjukkan lebih daripada separuh responden Melayu mahu mengekalkan

Amiruddin Shari sebagai Menteri Besar Selangor. Seterusnya, indikator kedua yang digunakan untuk mengukur prestasi Menteri Besar ialah dari sudut apakah Menteri Besar Amirudin Shari berjaya membangunkan Negeri Selangor. Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 52.15 peratus responden Melayu menjawab ya, 32.26 peratus responden Melayu menjawab tidak dan 15.59 peratus responden menjawab tidak tahu. Oleh itu dapatan menunjukkan lebih daripada separuh positif dengan Amirudin Shari dari sudut kejayaan beliau membangunkan Negeri Selangor.

JADUAL 10. Pandangan orang Melayu yang mahukan perubahan kepimpinan Menteri Besar Selangor

Skala	Peratusan (%)
Ya	38.44
Tidak tahu	6.18
Tidak	55.38

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

JADUAL 11. Pandangan orang Melayu dari sudut Menteri Besar Amirudin Shari berjaya membangunkan Negeri Selangor

Skala	Peratusan (%)
Ya	38.44
Tidak tahu	6.18
Tidak	55.38

Sumber: Kajian lapangan, 2023

Seterusnya, prestasi Menteri Besar juga diukur dari sudut apakah Menteri Besar Amirudin Shari seorang pemimpin yang sangat popular. Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 56.45 peratus responden Melayu menjawab ya yang bermaksud bagi mereka Amiruddin Shari seorang yang popular. Sebanyak 20.70 peratus menjawab tidak tahu dan 22.85 peratus menjawab tidak. Secara holistiknya, prestasi Amirudin Shari sebagai Menteri Besar dari sudut pandang orang Melayu adalah positif dan mereka mahu mengekalkan beliau sebagai Menteri Besar di Selangor. Penerimaan orang Melayu terhadap Amirudin Shari ini juga boleh dikaitkan dengan kewibawaan dalam mentadbir urus kerajaan negeri. Menelusuri perkembangan politik, Negeri Selangor buat pertama kali jatuh ke tangan Pakatan Rakyat pada PRU-12 (2008) yang selama ini ditadbir oleh Barisan Nasional. Memandangkan ia merupakan sebuah negeri termaju di Malaysia maka setiap kali pilihan raya ia menjadi sasaran persaingan politik antara Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat (Shahurinain Jais 2016).

Sejak Khalid Ibrahim mengambil pucuk pimpinan sebagai Menteri Besar Selangor beliau telah membina satu imej baru iaitu kewibawaan tadbir urus negeri yang baik. Ia diterjemah dari sudut usaha Pakatan Rakyat melaksanakan beberapa reformasi di Selangor dengan tumpuan untuk menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti dalam kerajaan. Kepimpinan tadbir urus baik yang dimulakan oleh Khalid ini dilihat sebagai *trend setter* untuk Menteri Besar seterusnya mentadbir dengan baik. Kemudian, setelah berlakunya krisis Menteri Besar di Selangor tahun 2014, Azmin Ali mengambil alih tampuk pemerintahan dengan meneruskan banyak pembaharuan yang dimulakan oleh Khalid Ibrahim. Pentadbiran Azmin memfokuskan kepada peningkatan kecekapan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat Selangor. Era pentadbiran Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan mencorakkan perubahan dari sudut ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Negeri Selangor. Oleh itu, perubahan ketara yang di bawa oleh Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan melalui kewibawaan Menteri Besar menunjukkan prestasi Menteri Besar sangat penting bagi rakyat Selangor (Muhamad Atlizan, Awang Azman &

Mohammad Tawfik 2023). Hasil dapatan yang positif dari responden Melayu menunjukkan Amirudin Shari telah menunjukkan prestasi yang baik dalam pentadbiran dan mereka selesa dengan kepimpinan sedia ada.

(c) Faktor Kestabilan Negara

Landskap politik negara berada dalam keadaan tidak stabil sejak tumbanganya Kerajaan Pakatan Harapan di bawah pimpinan Mahathir pada tahun 2020. Ketidakstabilan politik ini berterusan dengan terjadinya Langkah Sheraton yang akhirnya sebuah kerajaan Perikatan Nasional pimpinan Mahiaddin Yassin terdiri daripada UMNO, PAS dan BERSATU ditubuhkan. Walaupun, pentadbiran Perikatan Nasional didominasi oleh orang Melayu namun ia sebuah perkongsian kuasa yang longgar. Ketidakpuasan hati dari sudut pembahagian jawatan wujud antara BERSATU dan UMNO yang akhirnya Mahiaddin kehilangan majoriti pada tahun 2021 apabila 15 orang ahli parlimen UMNO menarik sokongan kepada beliau. Setelah itu, Perikatan Nasional dipimpin oleh Ismail Sabri daripada UMNO yang hanya dapat mentadbir dalam tempoh yang singkat dan kemudiannya parlimen dibubarkan pada tahun 2022 untuk memberi laluan kepada PRU-15. Ketidakstabilan negara ini berpunca daripada krisis politik dan persaingan kuasa sehingga buat pertama kali dalam sejarah, Malaysia memiliki tiga orang Perdana Menteri dalam satu penggal.

Dalam tempoh pasca Langkah Sheraton 2020 sehingga pembubaran parlimen 2022, rakyat telah melalui suasana politik yang tidak stabil. Ketidakstabilan ini bukan sahaja memberi kesan kepada ekonomi negara bahkan ia turut memberi kesan terhadap kemasukan pelaburan ke dalam negara ini (Alzahrin Alias 2020). Selain itu, pada PRU-15 yang lalu kempen pilihan raya turut diwarnai dengan isu perkauman dan agama yang jika gagal diurus dengan baik boleh memecah belahkan perpaduan rakyat. Oleh itu, menjelang PRN 2023 di enam buah negeri dilihat sebagai medan penerimaan atau penolakan rakyat terhadap kerjasama antara PH dan BN terutamanya daripada orang Melayu memandangkan ia sebuah kerjasama baharu setelah sekian lama berseteru.

JADUAL 12. Pandangan orang Melayu dari sudut negara semakin stabil dengan penubuhan Kerajaan Perpaduan

Skala	Peratusan (%)
Ya	45.97
Tidak tahu	18.55
Tidak	35.48

Sumber: Kajian lapangan, 2023

Berdasarkan jadual 12 di atas, dapatan kajian dari sudut pengukuran apakah negara semakin stabil dengan penubuhan kerajaan perpaduan melalui kerjasama PH dan BN menunjukkan sebanyak 45.97 peratus responden Melayu menjawab ya. Manakala, 35.48 peratus menjawab tidak dan 18.55 peratus menjawab tidak tahu. Perbezaan responden yang menjawab “ya” dan “tidak” ini tidaklah terlalu ketara walaupun responden yang menjawab “ya” boleh dikatakan sebagai majoriti. Hal ini boleh difahami kerana penubuhan Kerajaan Perpaduan masih baru dan ini juga merupakan kerjasama pertama antara PH dan BN terutamanya di Selangor setelah sekian lama menjadi seteru politik. Walau bagaimanapun, rentetan daripada pergolakan politik yang berlaku dalam landskap politik di Malaysia pasca Langkah Sheraton membuatkan responden faham bahawa kestabilan negara boleh di capai melalui kestabilan politik. Dalam hal ini, Kerajaan Perpaduan dilihat sebagai satu usaha untuk membawa kestabilan politik berdasarkan kerjasama antara Pakatan Harapan dan Barisan Nasional.

(d) Faktor Kepimpinan Anwar Ibrahim

PRU-15 tahun 2022 telah menyaksikan Anwar Ibrahim berjaya dinobatkan sebagai Perdana Menteri bagi Kerajaan Perpaduan setelah lima hari parlimen tergantung rentetan daripada tiada mana-mana pihak yang memperoleh jumlah majoriti yang mencukupi. Kerajaan Perpaduan ini buat pertama kali berjaya menyatukan dua parti yang sudah lama berseteru antara Pakatan Harapan dan UMNO Barisan Nasional. Merujuk jadual 13, dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 54.03 peratus responden Melayu menyokong kepimpinan Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri dengan menjawab Ya. Manakala, 34.41 peratus responden Melayu menjawab tidak dan 11.56 peratus responden Melayu menjawab tidak tahu. Lebih separuh responden Melayu menyokong kepimpinan Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri dilihat sebagai satu peluang untuk melihat bagaimana Anwar Ibrahim mentadbir negara.

JADUAL 13. Responden Melayu Menyokong kepimpinan Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri

Skala	Peratusan (%)
Ya	54.03
Tidak tahu	11.56
Tidak	34.41

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Seterusnya, pengukuran kepimpinan Anwar juga dilihat dari sudut apakah Anwar Ibrahim berjaya mengangkat kedudukan orang Melayu dan Islam sepanjang tujuh bulan lalu. Sebanyak 51.08 peratus responden Melayu menjawab Ya, manakala 27.96 peratus menjawab tidak dan 20.97 peratus menjawab tidak tahu. Dari sudut mengangkat kedudukan Islam, Anwar menggunakan kaedah mengangkat budaya ilmu melalui jemputan ulama-ulama besar ke negara ini. Bagi beliau, Islam boleh dipertahankan melalui ilmu dan amal dan bukan hanya semata-mata bersandarkan kepada semangat sahaja (Irwan Shafrizan Ismail 2023). Anwar Ibrahim juga sebenarnya tidak asing dalam dunia gerakan Islam sejak tahun 1970-an yang ketika itu aktif sebagai Presiden ABIM. Seterusnya, apabila beliau menyertai kerajaan sekitar tahun 1980-an di bawah pentadbiran Mahathir, Anwar Ibrahim giat melaksanakan dasar Islamisasi dari atas ke bawah. Usaha beliau boleh dilihat melalui kewujudan Perbankan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, JAKIM, memperkasakan mahkamah syariah dan lain-lain (Adibah, Jamaie dan Irwan 2023).

JADUAL 14. Anwar Ibrahim berjaya mengangkat kedudukan orang Melayu dan Islam sepanjang 7 bulan yang lalu

Skala	Peratusan (%)
Ya	51.08
Tidak tahu	27.96
Tidak	20.97

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Kedua-dua indikator ini menunjukkan bahawa responden Melayu positif untuk memberi peluang kepada Anwar memimpin negara setelah melalui ketidakstabilan politik pasca Langkah Sheraton tahun 2020 yang lalu. Dapatan responden Melayu yang positif dalam menyokong Anwar Ibrahim ini juga disebabkan Anwar Ibrahim juga tidak asing untuk Negeri Selangor. Tambahan pula, beliau pernah menjadi penasihat Ekonomi Negeri Selangor sejak tahun 2009 lagi. Peranan beliau sebagai penasihat dilihat membantu dari sudut hala tuju pentadbiran negeri terutamanya dari sudut pengurusan tanah di Selangor (Portal Rasmi Dewan Negeri Selangor 2011). Oleh itu,

dari sudut faktor kepimpinan ia menunjukkan dapatan positif dalam menyokong kepimpinan Anwar Ibrahim mentadbir negara.

(e) Faktor Keahlian dalam Parti Politik

Dapatan kajian menunjukkan hanya 6.4 peratus responden Melayu di DUN Batu Tiga tidak terlibat dengan mana-mana parti. Sebaliknya, sebanyak 93.6 peratus terlibat sebagai ahli dalam parti PKR, UMNO, PAS, BERSATU, AMANAH, MUDA, PEJUANG, GERAKAN, Parti Bangsa Malaysia dan lain-lain. Hal ini menunjukkan majoriti responden Melayu menjadi ahli parti politik. Kajian ini juga mendapati sebanyak 23.2 peratus (116 orang) responden Melayu menyertai PKR dan ia merupakan peratusan tertinggi dari aspek keahlian dalam parti politik. Seterusnya, parti politik yang menjadi pilihan ialah BERSATU iaitu sebanyak 13 peratus (65 orang) dan diikuti oleh UMNO sebanyak 10.2 peratus (51 orang). Kemudian, sebanyak 9 peratus (45 orang) menyertai AMANAH dan diikuti oleh PAS sebanyak 8.2 peratus (41 orang). Parti-parti yang baru ditubuhkan juga ada pengikut walaupun jumlahnya sangat kecil seperti Pejuang sebanyak 1.4 peratus (7 orang), MUDA sebanyak 0.8 peratus (4 orang) dan Parti Bangsa Malaysia sebanyak 0.2 peratus (1 orang). Penyertaan responden di dalam parti politik pilihan masing-masing dilihat signifikan memandangkan ia boleh menentukan pola pengundian di dalam pilihan raya. Jadual di bawah menunjukkan peratusan responden Melayu Batu Tiga yang menyertai parti politik.

JADUAL 15. Peratusan Penyertaan Responden Melayu dalam Parti Politik di Malaysia


Skala	Peratusan (%)
PKR	31.18
BERSATU	17.47
UMNO	13.7
AMANAH	12
PAS	11
PEJUANG	1.9
MUDA	1.1
Parti Bangsa Malaysia	0.3
Tidak Berparti	8.6

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Dapatan dari jadual di atas juga menunjukkan bahawa kemenangan PKR tiga penggal berturut-turut di DUN ini turut mempengaruhi penyertaan orang Melayu ke dalam parti itu di mana ia menduduki tempat pertama dalam senarai parti politik yang disertai orang Melayu di Batu Tiga.

KECENDERUNGAN RESPONDEN MELAYU TERHADAP GABUNGAN KERJASAMA PH DAN BN

Rajah 1 di bawah menunjukkan kecenderungan responden Melayu terhadap gabungan kerjasama PH dan BN. Hasil dapatan kajian menunjukkan 44.35 peratus responden Melayu cenderung untuk memilih gabungan kerjasama PH dan BN. Manakala, 25.27 peratus memilih Perikatan Nasional dan 25.27 peratus responden Melayu belum membuat keputusan. Kecenderungan responden untuk memilih gabungan kerjasama PH dan BN dilihat mendominasi dan mempunyai keupayaan untuk menang di dalam PRN 2023. Hal ini kerana dapatan ini hanyalah tertumpu kepada responden Melayu sahaja dan belum dicampur dengan responden bukan Melayu.



RAJAH 1. Kecenderungan Orang Melayu Terhadap Gabungan Politik
Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Kajian ini juga menunjukkan penemuan penting di mana terdapat dua faktor utama dalam menjelaskan dominasi kecenderungan responden Melayu terhadap gabungan kerjasama PH dan BN iaitu pilihan rasional dan identifikasi parti. Faktor pertama iaitu pilihan rasional menjelaskan bahawa responden Melayu di DUN Batu Tiga telah membuat pertimbangan dan kecenderungan untuk memilih gabungan politik yang boleh memberi faedah kepada mereka apabila berjaya menang di dalam pilihan raya. Menurut Anthony Downs (1957), teori pilihan rasional menekankan bahawa individu membuat keputusan mengikut perkiraan dari sudut manfaat yang diperolehi mereka. Seterusnya, Gordon Tullock (1967) juga mengatakan bahawa tindakan rasional yang dibuat oleh pengundi dalam pemilihan calon atau parti adalah berdasarkan kepada perkara yang boleh memberi manfaat terhadap kepentingan peribadi mereka. Kemudian, Herbert Simon (1957) pula mengatakan bahawa pengundi kerap kali melihat identiti parti, sokongan komuniti atau kepopularan pemimpin sebagai indikator mudah (*heuristic*) dalam membuat keputusan. Manakala Bernard Grofman (1987) pula cenderung untuk melihat rekod prestasi calon atau parti dalam membuat keputusan.

Oleh itu, faktor pilihan rasional ini dilihat dari sudut isu-isu yang dibincangkan oleh rakyat di DUN Batu Tiga, prestasi ADUN penyandang Batu Tiga, prestasi MB Selangor, kestabilan negara dan kepimpinan Anwar Ibrahim menjadi pendorong kepada kecenderungan responden Melayu terhadap gabungan kerjasama PH dan BN. Dalam konteks pilihan raya, pengundi mempertimbangkan parti atau calon berdasarkan kemampuan mereka untuk menyelesaikan isu-isu yang dianggap sebagai keutamaan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima isu penting yang perlu diselesaikan oleh wakil rakyat dan kerajaan negeri sekiranya dipilih dalam PRN 2023 iaitu isu harga barang mahal, kurang peluang pekerjaan, masalah pemilikan rumah, bencana alam seperti banjir dan pengangkutan awam. Oleh itu, isu-isu yang dibincangkan ini penting dalam melihat kecenderungan mereka dalam membuat keputusan.

Seterusnya faktor pilihan rasional juga dilihat dari sudut prestasi ADUN penyandang. Dapatan menunjukkan Rodziah Ismail telah menunjukkan prestasi yang baik sepanjang menjadi ADUN di Batu Tiga sehingga responden Melayu selesa dengan beliau. Ini juga menunjukkan Rodziah Ismail telah meninggalkan rekod prestasi yang baik dan responden Melayu telah

menggunakan faktor ini dalam membuat keputusan. Seterusnya, faktor prestasi Menteri Besar Selangor juga memainkan peranan dalam membuat keputusan di mana rakyat Selangor sememangnya mahukan seorang pemimpin yang dapat mengurus tadbir negeri dengan tatakelola yang baik. Hal ini berikutan Khalid Ibrahim telah memulakan *trend setter* yang baik dalam mentadbir negeri dan sesiapa yang menjadi MB Selangor diharap untuk mengekalkan momentum yang sama.

Faktor pilihan rasional juga dilihat dari sudut kestabilan negara di mana responden Melayu sudah serik dengan ketidakstabilan politik sejak peristiwa Langkah Sheraton pada tahun 2020. Oleh itu, menjelang PRN 2023 ini kestabilan negara diambil kira dalam membuat keputusan di kalangan responden Melayu. Seterusnya, faktor kepimpinan Anwar Ibrahim juga turut memainkan peranan dalam membuat pilihan di mana 54.03 peratus responden Melayu menyokong kepimpinan Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri. Hal ini menunjukkan mereka yakin dengan kepimpinan Anwar Ibrahim dalam memimpin Kerajaan Perpaduan. Selain itu, kecenderungan orang Melayu terhadap gabungan kerjasama antara PH dan BN juga dilihat berdasarkan faktor kedua iaitu identifikasi parti. Menurut Harrop & Miller (1987), Identifikasi parti merujuk kepada hubungan psikologi jangka panjang yang wujud antara pengundi dan parti politik tertentu. Individu yang memiliki identifikasi dengan sesebuah parti dapat dikenalpasti melalui pendaftaran sebagai ahli parti, kecenderungan konsisten untuk menyokong parti tersebut dalam pilihan raya, penerimaan terhadap dasar-dasarnya, serta pengakuan tentang hubungan emosional atau ideologi dengan parti berkenaan ketika disoal selidik.

Dapatan kajian menunjukkan jumlah peratusan responden yang menyertai Pakatan Harapan di mana terdiri daripada PKR dan AMANAH ialah 43.18 peratus dan responden yang menyertai UMNO ialah 13.7 peratus. Jika digabungkan jumlah penyertaan parti untuk PH dan BN ini menjadikan ia sebanyak 56.88 peratus. Manakala, kecenderungan responden Melayu terhadap gabungan kerjasama antara PH dan BN dalam rajah 1 di atas ialah sebanyak 44.35 peratus. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan identifikasi parti memberi kesan kepada kecenderungan responden Melayu untuk memilih gabungan kerjasama PH dan BN menjelang PRN 2023 di DUN Batu Tiga. Walaubagai manapun, identifikasi parti ini lebih memberi kesan kepada ahli parti PKR dan AMANAH berbanding UMNO dalam menunjukkan kecenderungan kepada gabungan PH dan BN. Hal ini kerana terdapat perbezaan peratusan sebanyak 12.53 peratus daripada ahli parti PKR, AMANAH dan UMNO dalam menterjemahkan kecenderungan peratusan yang memilih gabungan PH dan BN. Dapatan ini menunjukkan bahawa sumbangan peratusan dalam melihat kecenderungan kepada gabungan PH dan BN ini majoritinya datang daripada PH dan hanya peratusan kecil daripada UMNO. Walau bagaimanapun, kecenderungan terhadap gabungan PH dan BN tetap mendominasi memandangkan responden yang menjadi ahli PKR dan AMANAH antara yang terbanyak peratusannya berbanding ahli daripada parti lain.

Oleh itu, faktor identifikasi parti ini menunjukkan orang Melayu di DUN Batu Tiga selesa dan berpuas hati dengan dasar-dasar yang di bawa oleh kerajaan negeri Selangor. Tambahan pula, terdapat pelbagai bantuan terutamanya dari sudut keperluan asas yang diberikan oleh ADUN Rodziah Ismail kepada penduduk di DUN Batu Tiga meningkatkan lagi hubungan psikologi antara penduduk dengan parti PKR yang seterusnya diterjemahkan dalam kecenderungan untuk memilih kerjasama antara PH dan BN. Oleh itu, dalam menjelaskan kecenderungan orang Melayu DUN Batu Tiga terhadap gabungan kerjasama PH dan BN ini dilihat dari sudut dua perkara iaitu faktor pilihan rasional dan faktor identifikasi parti.

KESIMPULAN

Menjelang Pilihan Raya Negeri 2023 parti-parti politik banyak memfokuskan kepada kecenderungan politik orang Melayu memandangkan politik identiti semakin menebal semasa PRU-15. Tambahan pula, Selangor yang menjadi deposit untuk Pakatan Harapan juga mula goyah apabila enam buah kerusi parlimen di Selangor jatuh ke tangan Perikatan Nasional. Walau bagaimanapun, politik orang Melayu di kawasan bandar adalah berbeza dengan politik orang Melayu di kawasan luar bandar. Kerangka masyarakat di bandar yang lebih rencam dan kompleks cenderung membuatkan orang Melayu kurang melihat kepada kerangka perkauman semata-mata. Hal ini terbukti apabila isu yang banyak di bincangkan menjelang PRN 2023 di Batu Tiga terkait dengan isu harga barang, peluang pekerjaan, pemilikan rumah, banjir, pengangkutan awam dan lain-lain. Di dalam Pilihan Raya Negeri isu setempat sangat penting untuk diselesaikan oleh wakil rakyat dan kerajaan negeri kerana ia lebih dekat dengan rakyat berbanding isu nasional yang lebih besar dan kompleks. Oleh itu, sekiranya pemimpin yang dilantik atau kerajaan negeri mampu menyelesaikan perkara tersebut ia mampu mengubah kecenderungan orang Melayu terhadap parti politik yang bertanding di kawasan tersebut.

Di Batu Tiga, kecenderungan orang Melayu lebih berpihak kepada gabungan kerjasama PH dan BN. Terdapat beberapa faktor yang menjelaskan situasi ini iaitu faktor pilihan rasional dan identifikasi parti. Dua faktor penting ini dilihat mempengaruhi kecenderungan orang Melayu terhadap PH dan BN. Hasil penelitian menunjukkan orang Melayu yang cenderung kepada kerjasama PH dan BN ini berpuas hati dengan prestasi ADUN penyandang dan Menteri Besar. Bahkan, mereka juga menyokong kerajaan perpaduan di bawah Anwar Ibrahim. Selain itu, orang Melayu yang cenderung kepada kerjasama PH dan BN ini merupakan responden yang menyertai PKR dan AMANAH. Secara holistiknya, pengundi akan memilih sesebuah parti politik yang dilihat memberi manfaat kepada kesejahteraan hidup mereka. Walaubagaimanapun, untuk kajian di masa hadapan fokus boleh terarah kepada kecenderungan golongan muda di Batu Tiga dalam membuat keputusan di dalam PRU-15 memandangkan pengundi berumur 18 tahun sudah boleh mengundi sejak akta berkuatkuasa pada 15 Disember 2021.

PENGHARGAAN

Kajian ini di sumbangkan oleh Pertubuhan Bersama Prihatin (BPR) dengan No. Rujukan PY/2022/04556.

RUJUKAN

- Adibah Yasmin Alias & Jamaie Hamil. (2023). Keberkesanan Strategi Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-15 di Semenanjung Malaysia: Penonjolan Golongan Islamis. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50 (4), 451-473. Doi: 10.17576/jebat.2023.5004.05
- Adibah Yasmin Alias, Jamaie Hamil & Mohd Irwan Syazli Saidin. (2023). Golongan Islamis: Kemunculan dan Perkembangan dari Tahun 1970-an Sehingga Tahun 1999 di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(8), e002478. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2478>

- Alzahrin Alias. (2020, Februari 25). Ekonomi negara semakin terjejas jika politik tak stabil. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/659228/ekonomi-negara-makin-terjejas-jika-politik-tak-stabil>
- Anon. 2023. (2023. Januari, 13). 60, 000 unit rumah Rumah Selangorku ditawarkan menjelang 2025. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/01/1051426/60000-unit-rumah-selangorku-ditawar-menjelang-2025>
- Anon. 2023. (2023. Jun, 17). PN sedia tadbir enam negeri termasuk Selangor, Pulau Pinang. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/pn-sedia-tadbir-enam-negeri-termasuk-selangor-pulau-pinang-424308>
- Downs, A. (1957). *An Economic Theory of Democracy*. New York: Harper.
- Grofman, B. (1987). The theory of conditional retrospective voting: A theory of voters as tools of accountability. *Political Behavior*, 9(3), 265-282. <https://doi.org/10.1007/BF00987330>
- Harrop, M., & Miller, W. L. (1987). *Elections and voters: A comparative introduction*. Basingstoke: Macmillan Education.
- Haryati Shafii & Sharifah Meryam Shareh Musa. (2010). Pengangkutan di bandar: Isu dan penyelesaian. *Journal of Techno-Social*: 31-46.
- Haryati Shafii, Jamaluddin Md. Jahi & Abdul Latif Mohamad. (2003). Kualiti hidup di bandar: indeks dan penunjuk bagi mengukur kesejahteraan hidup. Dlm. Jamaluddin Md Jahi, Ismail Sahid, Kadir Ariffin, Mohd Jailani Mohd Nor, Kamaruzzaman Sopian & Md. Pauzi Abdullah. Prosiding Pengurusan Persekitaran 2003. Bangi. Program Pengurusan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Irwan Shafrizan Ismail. (2023. Julai 22). Tegakkan Islam dengan ilmu, bukan jeritan-Anwar. *BHOnline*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1130113/tegakkan-islam-dengan-ilmu-bukan-jeritan-anwar>
- Jamaie Hamil, Muhammad Sofi Fozi, Muhammad Kamel Sulaiman & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2016). Pengaruh budaya politik Baharu dalam politik Malaysia. Dlm. Mohd Takiyuddin Ismail & Sity Daud (Pnyt.), *Pilihan Raya Umum Ke-13: Refleksi Politik Perubahan* (halaman 40-58). Penerbit UKM.
- Junaidi Awang Besar, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Amer Saifude Ghazali, Mazlan Ali, Nur Azuki Yusuff, Nasir Nayan dan Siti Noranizahhafizah Boyman. (2020). Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018 Malaysia di Kawasan Bandar dan Luar Bandar. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (19), 128-144. DOI: 10.35631/IJLGC.5190010.
- Junaidi Awang Besar. (2024). Pengaruh Geografi Keruangan dalam Pilihan Raya Kecil Pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 di Malaysia. *GEOGRAFI*, 12(1), 140–162. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol12.1.8.2024>.
- Junaidi Awang Besar. (2024). Faktor Sokongan Pengundi Kaum Melayu kepada Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-15, 2022. *E-Bangi: Jurnal of Social Science and Humanities*, 21(1), 436-445. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.37>.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Mohd Faidz Mohd Zain & Muhammad Hazim Abdul Ghani. (2016). Trend pengundi etnik Melayu dalam Pilihan Raya Umum ke-13. Dlm. Mohd Takiyuddin Ismail & Sity Daud (Pnyt.), *Pilihan Raya Umum Ke-13: Refleksi Politik Perubahan* (halaman 40-58). Penerbit UKM.
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.

- Loh, F.K. W & Saravanamuttu, Y. (pnyt.). 2003. *New Politics in Malaysia*. Singapura: Institute of Southeast Asian studies.
- Laman Web Undi. Info *Malaysiakini*.
- Marzuki Mohamad and Khairul Syakirin Zulkifli. (2023). Why Perikatan Nasional May Win in Selangor. *ISEAS Yusof Ishak Institute: Perspective*, 50, 1-14. https://www.iseas.edu.sg/wp-content/uploads/2023/06/ISEAS_Perspective_2023_50.pdf
- Mohd Azmir Mohd Nizah, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Afi Roshezry Abu Bakar & Hairol Anuar Mak Din. (2016). Sikap Politik Urban Melayu. *Sains Insani*, 1(1), 1-8. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol1no1.1>
- Mohd Mahadee Ismail, Zatul Himmah Adnan & Mohd Sobhi Ishak. (2023). Kecenderungan Pengundi Baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50 (2), 224-240. <https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5002.08>.
- Mohd Irwan Syazli Saidin & Nadhrah Azrun. (2024). Digital Media and Religious Sentiments in Malaysia: Critical Discourse Analysis of Pan-Malaysian Islamic Party and Democratic Action Party Cyberspace Campaigns in the 15th General Election. *Religions*, 15:920. <https://doi.org/10.3390/rel15080920>.
- Mohd Yunus Yakkub dan Mohamad Naufal Mohamad Idris. (2021. Disember, 19). Banjir buruk di Lembah Klang. <https://www.kosmo.com.my/2021/12/19/banjir-buruk-di-lembah-klang/>
- Mokhtar Ahmad, Junaidi awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2024). Tsunami Pilihan Raya Umum Ke-14 di Malaysia: Kebangkitan Pakatan Harapan dan kemunculan politik baharu. *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 94(3): 204-223. <https://doi.org/10.17576/akad-2024-9403-12>
- Muhamad Atlizan Darlis, Awang Azman Awang Pawi Mohammad Tawfik Yaakub. (2023). Faktor-faktor dominasi politik Melayu di Selangor tahun 2008 hingga 2018. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal*, 10 (1): 37-56.
- Pepinsky, T. (2009). *Economic crises and the breakdown of authoritarian regimes: Indonesia and Malaysia in comparative perspective*. Cambridge University Press.
- Ng, J. W. J., Rangel, G. J., Vaithilingam, S., & Pillay, S. S. (2015). The 2013 Malaysian Elections: Ethnic Politics or Urban Wave? *Journal of East Asian Studies*, 15(2), 167–198. doi:10.1017/S1598240800009334
- Norafiza Jaafar. (2022, November 27). PRN: PN rangka strategi tawan Selangor. *Sinar Harian* <https://www.sinarharian.com.my/article/233572/berita/politik/prn-pn-rangka-strategi-tawan-selangor>
- Norafiza Jaafr. (2023, Jun 20). Rodziah sedia beri laluan muka Baharu di DUN Batu Tiga. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/264352/berita/politik/rodziah-sedia-beri-laluan-muka-baharu-di-dun-batu-tiga>
- Portal Rasmi Dewan Negeri Selangor. (2011). *Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun 2011*. <https://dewan.selangor.gov.my/question/penasihat-ekonomi-selangor-5/>
- Saravanamuttu, Johan. (2001). Is There a Politics of the Malaysian Middle Class? In *Southeast Asian Middle Classes: Prospects for Social Change and Democratisation*, ed. A. Rahman Embong, 103-118. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Serina Rahman. (2018). Was it a Malay Tsunami? Deconstructing the Malay Vote in Malaysia's 2018. *The Round Table*, 10 (6), 669-682. <https://doi.org/10.1080/00358533.2018.1545941>
- Shahurinain Jais. (2016). Keberkesanan pemasaran politik di Selangor dalam PRU 2013. *eBangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 605-621.

- Sharifah Nursyahidah Syed Annuar, and Azwan Ahzran Perman, (2023) *Pilihan raya umum ke-15 di Sabah: isu, trend dan cabaran. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 50 (2). pp. 200-223.
- Simon, H. A. (1957). *Models of man: Social and rational*. New York: Wiley.
- Tullock, G. (1967). *Toward a Mathematics of Politics*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Washida, Hidekuni. (2023). Voting Behaviour After the collapse of a Dominant Party Regime in Malaysia: Ethno-Religious Backlash or Economic Grievances. *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs*, 112(3), 249-272. DOI: 10.1080/00358533.2023.2219524.

Mazlan Ali
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur
Malaysia
Emel: mazlanali.kl@utm.my

Adibah Yasmin Alias (Penulis koresponden)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur
Malaysia
Emel: adibahyasmin@gmail.com